



**TEKS UCAPAN**  
**SEMPENA MAJLIS PERASMIAN PERTANDINGAN DART MAKSAK SARAWAK**  
**ANTARA KELAB GABUNGAN 2015**  
**BANGUNAN KOMPLEKS ISLAM SARAWAK**  
**18 APRIL 2015 (SABTU)**

---

Bismillahirrahmanirrahim.....

Terima kasih saudara/saudari Pengurus Majlis

Pegawai-pegawai Kanan Dewan Bandaraya Kuching Utara

Ahli-ahli Jawatankuasa Kerja MAKSAK Sarawak

Ahli-ahli Jawatankuasa Pengelola Kejohanan

Para peserta dan Pengurus Pasukan Dart MAKSAK Sarawak Antara Kelab Gabungan Kuching

Wakil Media serta

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian....

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh..

Salam sejahtera dan Selamat Pagi..

Alhamdulillah, bersyukur kehadrat Allah SWT atas limpah kurnia dan keizinanNya juga, kita semua dapat bersama-sama berhimpun sempena Majlis Perasmian Pertandingan Dart anjuran MAKSAK Sarawak Antara Kelab Gabungan 2015 yang dikelolakan oleh Dewan Bandaraya Kuching Utara.

Sebagai Pengerusi Pengelola Pertandingan Dart anjuran MAKSAK Sarawak Antara Kelab Gabungan 2015, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran peserta-peserta pertandingan dan merakamkan ucapan terima kasih atas sokongan padu serta kerjasama yang telah diberikan oleh MAKSAK Sarawak dalam pengajuran Pertandingan Dart ini. Sesungguhnya saya berasa amat gembira dan berbangga kerana dapat bersama-sama tuan-tuan dan puan-puan sekalian dalam majlis perasmian kita pada pagi ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati,

Seperti yang kita semua sedia maklum, sukan sesungguhnya merupakan antara medium yang sangat berkuasa dalam menyatukan masyarakat tanpa mengira pangkat, usia, jantina dan bangsa. Kita semua sebagai warga kerja Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak sebenarnya mempunyai peranan tersendiri di dalam membudayakan sukan di jabatan masing-masing.

Kehidupan yang cergas dan aktif adalah penting untuk kesihatan tubuh badan dan seterusnya akan menghasilkan fikiran yang cerdas dan minda yang kreatif. Secara tidak langsung, badan yang sihat juga akan melahirkan insan yang cergas dengan minda yang cerdas.

Juseteru, penganjuran Pertandingan Dart kita pada pagi ini adalah bertepatan sekali selain ia merupakan salah satu usaha dan manifestasi terhadap usaha MAKSAK dalam memberi pengiktirafan kepada pasukan-pasukan sukan Dart tempatan. Adalah menjadi harapan saya, dengan adanya pengiktirafan ini ianya akan menjadi obor pembakar semangat kepada para penggiat sukan Dart di kalangan Penjawat Awam Negeri Sarawak untuk terus aktif dan pada masa yang sama akan memberi sumbangan terhadap kemajuan sukan negeri Sarawak.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Seperti yang kita sedia maklum, penganjuran pertandingan dart ini dilaksanakan melalui pendekatan Strategi Lautan Biru iaitu kerjasama antara MAKSAK dan juga DBKU. Selain pertandingan ini, pendekatan Strategi Lautan Biru ini juga dapat dilihat melalui penganjuran program atau pertandingan MAKSAK yang lain di mana ia dilaksanakan dengan kerjasama, perkongsian sumber serta semangat berpasukan antara MAKSAK dan badan-badan gabungannya. Kerjasama sebegini telah menggunakan kepakaran teknikal di kalangan anggota Kerajaan dan memaksimumkan penggunaan kemudahan-kemudahan sukan yang sedia ada agar kos yang minimum tercapai.

Justeru, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan serta ucapan terima kasih kepada semua badan gabungan MAKSAK atas komitmen, sokongan dan kerjasama yang telah diberikan kepada DBKU sepanjang Pertandingan Dart ini berlangsung. Semoga budaya dan semangat kerja berpasukan seperti ini akan terus menjadi amalan dalam keluarga MAKSAK Negeri Sarawak sehingga generasi yang akan datang.

Kepada para peserta Pertandingan Dart MAKSAK Sarawak Antara Kelab Gabungan 2015, Selamat Bertanding saya ucapkan. Semoga Kejayaan dalam pertandingan Dart pada kali ini akan menjadi inspirasi kepada semua Penjawat Awam Negeri Sarawak untuk terus menunjukkan kecemerlangan bukan sahaja dalam tugas-tugas hakiki di pejabat malah dalam bidang sukan bagi melengkapkan personaliti kita sebagai penjawat awam yang serba boleh.

Saya menaruh sepenuh kepercayaan bahawa program sukan yang dilaksanakan oleh MAKSAK akan memberi impak dan *outcome* yang diinginkan serta menjadi penghubung dalam mengeratkan silaturrahim di kalangan anggota perkhidmatan awam yang berbilang kaum, selaras dengan misi MAKSAK iaitu, ***“Menjadi Penghubung Dalam Mengeratkan Tali Silaturrahim Antara Anggota Perkhidmatan Awam, Di Samping Membantu Melahirkan Anggota Perkhidmatan Awam Yang Sihat, Cergas, Berdisiplin, Komited dan Berdaya Saing”***.

Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim.....  
saya merasmikan Pertandingan Dart MAKSAK Sarawak Antara Kelab Gabungan 2015.

Sekian...

Wabillahitaufik    Walhidayah    Wassalamualaikum    Warahmatullahi  
Wabarakatuh.....